



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
Cawangan Senggara Fasiliti Jalan
Blok D (Lama)
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur

Telefon : 03-26108888
Faks : 03-26940315 (Tkt.2)
: 03-26947550 (Tkt.10)
Laman Web : <http://www.jkr.gov.my>

Ruj.kami : (31) JKR.CSFJ.100-6/40
Tarikh : 18 November 2019

SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/Tuan/ Puan,

BULETIN SENGGARA FASILITI JALAN (BIL.28, EDISI 2019)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dilampirkan bersama ini naskah **Buletin Senggara Fasiliti Jalan** untuk edaran dan tatapan YBhg. Dato'/tuan/puan serta kakitangan yang lain.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


Saya yang menandatangani, amanah,

(Ir. RAHMAT BIN HJ. ABD RAHMAN)

Pengarah

Cawangan Senggara Fasiliti Jalan

Ibu Pejabat JKR Malaysia



CAWANGAN PERANCANGAN ASET BERSEPADU (CPAB)

26. Pengarah Kanan - 6 naskah
 **Cawangan Perancangan Aset Bersepadu (CPAB)**
Ibu Pejabat JKR Malaysia, Aras 3 Blok C (Lama)
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur.
27. **Cawangan Perancangan Aset Bersepadu** - 5 naskah
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak,
Jln Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.
28. **Cawangan Perancangan Aset Bersepadu** - 5 naskah
Jabatan Kerja Raya Negeri Johor,
Tingkat 4, Bgn Dato' Abdul Rahman Andak,
79582 Nusajaya, Johor.
29. **Cawangan Perancangan Aset Bersepadu** - 5 naskah
Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang,
Tingkat 12, Kompleks Tun Razak,
Bandar Indera Mahkota,
25582 Kuantan, Pahang.
30. **Cawangan Perancangan Aset Bersepadu** - 5 naskah
Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang,
Jalan JKR Sungai Pinang,
11500 Georgetown, Pulau Pinang.
31. **Cawangan Perancangan Aset Bersepadu** - 5 naskah
Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor,
Tgkt 1, Bgn Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
40000 Shah Alam, Selangor.
32. **Cawangan Perancangan Aset Bersepadu** - 5 naskah
Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah,
Tingkat 5, Bangunan Sultan Abdul Halim, Jalan Sultan Badlishah,
05582 Alor Setar, Kedah.
33. **Cawangan Perancangan Aset Bersepadu** - 5 naskah
Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan,
Tingkat 2, Wisma Negeri,
70990 Seremban, Negeri Sembilan.

AKTIVITI BILIK GERAKAN BENCANA (BiGBen)

Lawatan Ke Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC)

Pada 25 Januari 2019, Sekretariat Bilik Gerakan Bencana telah mengadakan satu lawatan di Pusat Kawalan Bencana Negara“(National Disaster Command Centre)”-(NDCC) yang berpusat di Markas SMART, Pulau Meranti, Puchong Selangor.

Lawatan ini diadakan bertujuan untuk mempelajari sistem pengurusan bencana di Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bagi penambahbaikan pengurusan maklumat bencana di Bilik Gerakan Bencana (BiGBen), JKR Malaysia. Selain itu, lawatan ini juga bertujuan untuk memantapkan serta memperkemaskan ilmu pengetahuan petugas-petugas di BiGBen mengenai tatacara pengurusan bencana yang lebih berkesan dan sistematik.



Lawatan tersebut telah dimulakan dengan sesi pembentangan berkaitan Pengurusan Bencana NADMA yang disampaikan oleh Pn. Zuraini binti Mohd Yusof, Pengarah Bahagian NDCC. Program diteruskan dengan lawatan ke Bilik Kawalan Operasi Bencana NDCC dimana sekretariat BiGBen diberi pendedahan dan taklimat mengenai tatacara pengurusan bencana oleh Pegawai Meteorologi, En. Mohamed Azan bin Abdul Razak.



Taklimat dari pengarah NDCC, NADMA

Dokumentari Pendek “PANTAU (Jalan Raya)”

Bilik Gerakan Bencana (BiGBen) dibawah Cawangan Senggara Fasiliti Jalan telah terpilih untuk bekerjasama dalam penerbitan dokumentari pendek bertajuk “PANTAU” jalan raya yang akan memaparkan teknologi keselamatan yang digunakan di negara kita.

Dokumentari berdurasi 24 minit tersebut adalah bertujuan untuk memberi penerangan tentang teknologi laman web e-bencana yang digunapakai di Jabatan Kerja Raya oleh petugas BiGBen dalam membuat pemantauan dan penyediaan laluan alternatif bagi laluan/jalan yang terlibat dengan

bencana banjir. Selain itu, dokumentari tersebut juga memberi maklumat kepada orang awam mengenai perihal bencana banjir yang sering berlaku dan tindakan yang boleh diambil sekiranya menghadapi bencana banjir.

Antara topik-topik lain yang akan disiarkan dalam dokumentari PANTAU adalah berkaitan keselamatan diri dan anak, alam siber, kawasan persendirian, tempat awam, lapangan terbang, kebakaran hutan dan sebagainya.



Sesi temuramah oleh wartawan dokumentari.

Mesyuarat Penyelarasan Program Kesiapsiagaan Bencana di Seluruh Malaysia Peringkat JKR Bil. 01/2019

Pada 27-28 Ogos 2019, Mesyuarat Penyelarasan Program Kesiapsiagaan Bencana Di Seluruh Malaysia Peringkat JKR telah diadakan bertempat di Hotel Vistana Kuantan ,Pahang. Mesyuarat tersebut telah dirasmikan oleh En. Mohd Elham Bin Abd Kasim, Jurutera Awam Penguasa Kanan selaku wakil Pengarah CSFJ. Mesyuarat itu juga turut dihadiri oleh Pengarah Bahagian Teknikal dan Infrastruktur Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Ketua Bahagian CSFJ, Sekretariat BiGBen, Wakil Kementerian Kerja Raya dan Cawangan Kejuruteraan Cerun, penyelaras bencana negeri serta petugas daerah Pahang.

Tujuan program selama dua hari ini diadakan adalah untuk membincangkan hal-hal pengurusan bencana bersama semua yang terlibat terutama penyelaras dan petugas dari setiap peringkat sama ada di Ibu Pejabat, Negeri atau Daerah.

Mesyuarat dimulakan dengan dengan sesi pembentangan Pengenalan Bencana dan Operasi Bilik Gerakan Bencana (BiGBen) yang disampaikan oleh Pn Ruzita Binti Zainal selaku Komander BiGBen JKR Malaysia. Mesyuarat diteruskan dengan pembentangan dari NADMA, JKR Pahang dan JKR Daerah Kuantan. Selain itu, lawatan ke lokasi kerap berlaku banjir telah diadakan di beberapa kawasan sekitar daerah Kuantan. Sesi *Hands-On* mengenai pengendalian portal e-bencana bersama penyelaras negeri dan petugas daerah juga turut dimuatkan dalam program tersebut.

Program ini diharapkan menjadi satu platform perkongsian ilmu, maklumat serta idea bagi memantapkan cara kerja kearah mencapai hasil terbaik dan paling berkesan pada masa akan datang selain mengukuhkan kerjasama pasukan dalam pengurusan bencana.





Taklimat dan penerangan di lokasi kerap berlaku banjir oleh JKR Daerah Kuantan



Sesi bergambar bersama Pengarah Bahagian Teknikal dan Infrastruktur NADMA

Lantikan Jabatan Kerja Raya sebagai Agensi Peneraju Kluster Pemulihan Awal dan Kluster Logistik

Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) melalui suratnya yang bertarikh 28 Mac 2019 telah melantik Jabatan Kerja Raya Malaysia sebagai Agensi Peneraju Kluster Logistik dan Kluster Pemulihan Awal dimana kluster Pemulihan Awal akan diterajui oleh Cawangan Senggara Fasiliti Jalan (CSFJ) dan Kluster Logistik pula dibawah Cawangan Kejuruteraan Mekanikal (CKM).

Sistem kluster ini bertujuan bagi mewujudkan mekanisma penyelarasan yang berfokus dalam usaha meningkatkan penyampaian bantuan kemanusiaan sewaktu dan selepas bencana.





MESYUARAT PENYELARASAN CAWANGAN SENGKARA FASILITI JALAN (CSFJ) // JURUTERA AWAM PENGUASA JALAN (JAPJ) // KONSESI

Oleh: Bahagian Penyelarasan Khidmat Sokongan

Mesyuarat Penyelarasan CSFJ/ JAPJ/ Konsesi ini dilaksanakan sebanyak 3 kali setahun. Mesyuarat Penyelarasan Bil. 1/2019 telah diadakan di Kota Kinabalu, Sabah pada 19 hingga 22 Februari 2019 dan Mesyuarat Penyelarasan Bil. 2/2019 telah diadakan di Kuala Terengganu, Terengganu pada 3 hingga 5 Julai 2019.

Bilangan pegawai yang menghadiri mesyuarat ini adalah seramai 40 orang, di mana ianya terdiri daripada pegawai-pegawai CSFJ dan 11 orang JAPJ Negeri.

Mesyuarat ini merupakan platform bagi membincangkan hal-hal kewangan yang berkaitan peruntukan dan prestasi kewangan CSFJ, pembentangan surat-surat arahan berkaitan penyenggaraan serta pembentangan laporan kemajuan kerja dan isu-isu yang berkaitan penyenggaraan jalan bagi tahun 2019. Dengan penganjuran mesyuarat ini, semua JAPJ dan Ketua Bahagian termasuk pihak konsesi dapat mengetahui masalah kewangan yang dihadapi oleh setiap negeri serta cara mengatasi masalah tersebut selain membincangkan masalah yang dihadapi untuk kerja-kerja penyenggaraan di seluruh negeri.

Antara objektif mesyuarat ini adalah untuk menjadi platform utama interaksi di antara CSFJ, JAPJ setiap negeri dan wakil-wakil konsesi setiap zon bagi membincangkan isu-isu berkenaan penyenggaraan jalan, kontrak penyenggaraan jalan serta prestasi kewangan dan prestasi kerja-kerja penyenggaraan jalan.

Semasa mesyuarat ini juga, pemakluman mengenai surat-surat arahan dan pekeliling terbaru kepada semua pegawai tertinggi CSFJ, JAPJ setiap negeri dan wakil-wakil konsesi setiap zon dapat dilakukan secara terus.

Lawatan kerja juga diadakan semasa mesyuarat ini diadakan seperti lawatan cerun runtuh di Pusat Islam, Sabah yang dipantau oleh Cawangan Kejuruteraan Cerun, JKR Malaysia dan juga Lawatan ke Draw Bridge di Kuala Terengganu bagi tujuan pemantapan ilmu dan *lesson learned* berkaitan permasalahan di tapak.

Selain itu, mesyuarat ini juga menjadi medium perkongsian ilmu berkaitan aplikasi terbaru yang dibangunkan oleh CSFJ kepada semua pegawai tertinggi CSFJ, JAPJ setiap negeri dan wakil-wakil konsesi setiap zon.



Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengarah CSFJ



Peta Jalan Persekutuan Dan Jalan Utama Negeri SEMENANJUNG MALAYSIA Road Map

SISTEM PEMETAAN KERJA BERKALA PAVEMENT DI ZON UTARA

Oleh: Bahagian Kejuruteraan Geoinformatik

Proses pemetaan kerja-kerja berkala pavemen adalah cetusan idea daripada JAPK Zon Utara bagi penghasilan data dalam bentuk pemetaan bertujuan memudahkan kemantuan keatas kerja-kerja yang telah dilakukan pada tahun-tahun selepas dengan permohonan tahun semasa.

Bagi penghasilan kerja-kerja pemetaan ini berpandukan kepada data yang telah diterima dari Bahagian Senggara Fasilitas Jalan Zon Utara dalam bentuk excel. Data yang diterima adalah data dari tahun 2013 sehingga 2017 untuk negeri Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis. Manakala bagi data tahun 2018 adalah Negeri Perak sahaja. Contoh data yang diterima adalah seperti berikut:



PENYAWASTAN PENYENGGARAAN JALAN JALAN PERSEKUTUAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA - ZON UTARA
RINGKASAN KEMAJUAN KERJA BERKALA PAVEMENT TAHUN 2017

Table 2		Terdapat Bayaran																	
Bil.	No. Arahkan Kerja	Tarikh Arahkan Di Keluaran	Tarikh AK Di Keluaran	Lokasi					Daerah	Pejabat Kawasan	Perihal Kerja	Jenis Kerja	Jenis Projek	Peruntukan (RM)	Amman Tuntutan (RM)	GST 6% (RM)	Jumlah (Tuntutan + GST (RM))		
				No Laluan	Seksyen	Panjang	Seksyen Sebenar	Panjang Sebenar											
P. PINANG																			
Barat Daya																			
1	JKR 080/01/0117 (KKR 400-5/3/14 (22) Jld. 9)	12-Apr-17	10-Jul-17	FT 006	19.900	20.200	0.300	19.900	21.104	1.2040	Barat Daya	P. Pinang	Kerja-kerja Regulate & Overlay 60mm di jalan persekutuan, Daerah Barat Daya	B 11	BP	100,000.00	92,789.90	5,967.40	96,307.39
2	JKR 080/01/0117 (KKR 400-5/3/14 (22) Jld. 9)	12-Apr-17	10-Jul-17	FT 006	37.000	38.000	1.000				Barat Daya	P. Pinang	Kerja-kerja Regulate & Overlay 80mm di jalan persekutuan, Daerah Barat Daya	B 11	BP	250,000.00	231,999.70	13,919.74	245,919.44
Jumlah Barat Daya										1.38						350,000.00	324,789.60	19,887.14	344,272.84
Timur Laut																			
1	JKR 080/01/0117 (KKR 400-5/3/14 (22) Jld. 9)	12-Apr-17	12-Jul-17	FT 220	10.000	11.000	1.000	10.000	10.438	Partial	Timur Laut	P. Pinang	Mil & Pav. Daerah Timur Laut	B 11	BP	200,000.00	233,848.21	14,158.41	248,006.62
1.1	JKR 080/01/0117 (KKR 400-5/3/14 (22) Jld. 9)	12-Apr-17	12-Jul-17	FT 220		0.000	14.000		14.763	0.7630	Timur Laut	P. Pinang	Regulate & Overlay, Daerah Timur Laut	B 11	BP	400,000.00	377,357.50	22,641.45	399,999.83
3	JKR 080/01/0117 (KKR 400-5/3/14 (22) Jld. 9)	12-Apr-17	12-Jul-17	FT 220	8.000	4.400	1.400				Timur Laut	P. Pinang	Mil & Pav. Daerah Timur Laut	B 11	BP				
Jumlah Timur Laut										2.40						600,000.00	613,197.73	36,799.86	649,997.63
Seberang Perai Utara																			
1	JKR 080/01/0117 (KKR 400-5/3/14 (22) Jld. 9)	22-Jun-17	22-Jun-17	FT 3111	8.300	9.000	0.700	7.600	7.700	0.1000	SPT	P. Pinang	Regulate, Mil & Pav di jalan persekutuan, Daerah Seberang Perai Utara	B 11	BP	200,000.00	188,676.80	11,320.61	199,997.41
Jumlah SPT										0.70						200,000.00	188,676.80	11,320.61	199,997.41
Seberang Perai Tengah																			
1	JKR 080/01/0117 (KKR 400-5/3/14 (22) Jld. 9)	12-Apr-17	10-Jul-17	FT 001	753.000	753.000	0.500	752.500	752.800	Partial	SPT	P. Pinang	Regulate, Mil & Pav di jalan persekutuan, Daerah Seberang Perai Tengah	B 11	BP	200,000.00	188,676.80	11,320.61	199,997.41
1.1	JKR 080/01/0117 (KKR 400-5/3/14 (22) Jld. 9)	12-Apr-17	10-Jul-17	FT 001		754.000	0.500	752.800	753.041	Partial	SPT	P. Pinang	Regulate, Mil & Pav di jalan persekutuan, Daerah Seberang Perai Tengah	B 11	BP	200,000.00	188,676.80	11,320.61	199,997.41
Jumlah SPT										1.00						400,000.00	377,356.80	22,641.22	399,997.41

Kerja-kerja pemetaan dilakukan dengan menggunakan software ArcGIS. Untuk menghasilkan pemetaan, butiran-butiran yang diperlukan dari data BSFJ Zon Utara adalah Daerah, No. Laluan, dan seksyen mula dan seksyen akhir bagi kerja-kerja yang dilakukan di tapak.


Tarikh AK Di Keluaran	Lokasi						Daerah
	No. Laluan	Seksyen	Panjang	Seksyen Sebenar	Panjang Sebenar		
10-Jul-17	FT 006	19.900	20.200	0.300	19.900	21.104	Barat Daya
10-Jul-17	FT 006	37.000	38.000	1.000			Barat Daya

Semasa proses pemetaan dilakukan data-data yang diperlukan dari pihak Bahagian Kejuruteraan Geoinformatik adalah data Jalan Persekutuan, Jalan Negeri dan KMPost bagi Jalan Persekutuan.




Contoh maklumat

Setelah selesai proses pemetaan dan pencantuman data dilakukan akan terhasil pemetaan seperti berikut:



Selain itu antara analisis yang boleh dilakukan pada data tersebut antaranya seperti lokasi yang kerap berlaku kerosakan, pembaikan yang telah dilakukan, dan lain-lain yang berkaitan. Disini dapat dilihat dengan jelas kekerapan lokasi pembaikan yang dilakukan pada tahun-tahun tersebut dan data lain yang berkaitan untuk tujuan analisis mengikut permintaan dan keberkesanan data yang dibekalkan.



PENERBITAN PETA JALAN JKR

Oleh: Bahagian Kejuruteraan Geoinformatik

Pada Tahun 2019 CSFJ merangka penerbitan baru bagi Peta Jalan JKR mengikut Daerah bermula dengan Negeri Pulau Pinang, Negeri Melaka dan juga Negeri Sembilan. Cadangan ini dicetuskan apabila terdapatnya pembangunan projek jalan yang tidak menyeluruh bagi semua Daerah di sesebuah negeri dan tidak bersesuaian untuk melakukan penerbitan baru bagi Peta Jalan JKR mengikut Negeri.


Jalanraya Persekutuan dan Jalan Negeri telah dicerap ditapak dengan kekerapan kemaskini dua (2) kali setahun ataupun tertakluk kepada perubahan semasa dengan menggunakan peralatan *Global Positioning System* (GPS) oleh Bahagian Kejuruteraan Geoinformatik, CSFJ. Penyelaras GIS, JKR Negeri dan Daerah turut bekerjasama semasa kerja kemaskini maklumat jalan tersebut. Maklumat jalan terkini telah dicerap dengan ketepatan sub-meter. Selain daripada menggunakan peralatan GPS, maklumat rangkaian jalan raya juga boleh diperolehi dengan mendapatkan maklumat daripada Lukisan Siap Bina (*As-Built Drawing*).

Penerbitan Peta Jalan JKR baru bagi negeri dilaksanakan secara berkala, (Tempoh 3 hingga 5 tahun sekali), tertakluk kepada pembangunan projek jalan di sesebuah negeri. Proses semakan Peta Pruf akan dilakukan sebanyak tiga (3) kali iaitu semakan pruf pertama, pruf kedua dan pruf akhir, sebelum cetakan akhir dilakukan oleh pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). Kadar jarak semakan antara peta-peta Pruf tersebut adalah selama 30 hingga ke 60 hari.

Keupayaan dan kemampuan penggunaan *Geographic Information System* (GIS) serta dibantu oleh penggunaan peralatan *Global Positioning System* (GPS) mampu meningkatkan tahap perkhidmatan dan penyampaian yang lebih cekap, mudah dan efisien di Cawangan Senggara Fasiliti Jalan. Ini selaras dengan perkembangan teknologi global yang semakin maju dan canggih bagi membantu penyediaan Penerbitan Peta Jalan JKR Semenanjung Malaysia, Peta Jalan JKR Negeri dan Peta Jalan JKR Daerah.

Bil	Negeri	Jenis Peta	Bilangan Peta
1.	Pulau Pinang	Daerah (Saiz A3)	5 lembar (<i>Softcopy</i>)
2.	Negeri Sembilan	Daerah (Saiz A3)	7 lembar (<i>Softcopy</i>)
3.	Melaka	Daerah (Saiz A3)	3 lembar (<i>Softcopy</i>)
4.	Johor	Negeri (Saiz A0)	500 lembar (<i>Hardcopy</i>) + 1 lembar (<i>Softcopy</i>)

CARTA ALIR PENERBITAN PETA JALAN



Antara maklumat yang perlu disemak dan disahkan sebelum penerbitan Peta Jalan JKR dilakukan adalah :

- Nombor laluan jalan.
- Kenalpasti samada Jalan Persekutuan, Jalan Negeri atau jalan-jalan lain.
- Panjang jalan
- Jalan baru atau terdapat perubahan alignment (cerapan data di tapak perlu dilakukan)
- Lain-lain maklumat secara keseluruhan (Cth : Nama tempat dan ejaan)


Peta Jalan JKR yang telah siap dismak dan disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab di peringkat JKR Negeri dan Daerah akan mula dicetak dalam bentuk *Hardcopy*. Edaran secara percuma akan diberikan kepada jabatan dan juga agensi kerajaan lain serta dijual kepada orang awam (selain warga JKR) dengan kadar harga RM 30.00 selembar. Selain daripada itu, peta-peta ini boleh dibeli terus di kaunter Cawangan Pengurusan Perolehan Harta, Kementerian Kerja Raya Malaysia.

Berikut adalah senarai Peta Jalan JKR yang telah diterbitkan mengikut negeri:

- 1 Perlis (Sehingga Disember 2014)
- 2 Melaka (Sehingga November 2013)
- 3 Wilayah Persekutuan Labuan (Sehingga Disember 2016)
- 4 Negeri Sembilan (Sehingga November 2013)
- 5 Pulau Langkawi (Rujuk Peta Jalan JKR Negeri Kedah)
- 6 Selangor (Sehingga Disember 2018)
- 7 Kedah (Sehingga Disember 2015)
- 8 Kelantan (Sehingga Disember 2016)
- 9 Pulau Pinang (Sehingga Disember 2015)
- 10 Johor (Sehingga Disember 2015)
- 11 Semenanjung Malaysia (Sehingga Disember 2018)
- 12 Terengganu (Sehingga Disember 2016)
- 13 Pahang (Sehingga Disember 2018)
- 14 Pahang (Sehingga Disember 2016)



Contoh Penerbitan Peta Jalan JKR Semenanjung Malaysia tahun 1998



Contoh Penerbitan Peta Jalan JKR Semenanjung Malaysia tahun 1998



Contoh Penerbitan Peta Jalan JKR Negeri tahun 2013



Contoh Penerbitan Peta Jalan JKR Semenanjung Malaysia tahun 2018



Contoh Penerbitan Peta Jalan JKR Daerah tahun 2019



PROSES PEMBAIKAN DECKING (PERMUKAAN COATED) JAMBATAN PANEL KELULI BERMODULAR (JPKB) JENIS ACROW 700 XS

Oleh: Unit Mekanikal & Aset, Bahagian Prestasi Aset Teknikal

ANTARA PROSES MEMBUAT COATED PADA DECKING:



1. Decking yang telah siap dibersihkan setelah kerja-kerja mencungkil coated yang sedia ada. Decking perlu dibersihkan menggunakan sand bashing bagi membuang karat-karat yang ada di permukaan decking.



2. Proses mencampurkan bahan menggunakan bahan epoxy (5 kg) + 15kg aggregate. Jenis bahan epoxy dan aggregate hendaklah mengikut spesifikasi pembekal CPD 'CIPADECK TOD-99S Traffic Deck Overlays dan 'TRAPROCK#8.



3. Setelah campuran Epoxy sebat, ianya dituangkan keatas permukaan decking sehingga sekata dan di biarkan selama 3 minit supaya epoxy menjadi sekata sebelum aggregate di taburkan di atas permukaan decking.



4. Setelah campuran Epoxy sekata, proses menabur aggregate yang bersaiz 3mm - 5mm sehingga sekata.



5. Setelah proses menabur memenuhi permukaan decking, kerja menekan permukaan decking dengan menggunakan kayu perata sehingga mampat. Setelah selesai, proses pengeringan coated selama 1 hari sehingga 2 hari mengikut keadaan cuaca. Tebal coated pada permukaan decking antara 4mm sehingga 5 mm.



6. Setelah proses pengeringan selesai, permukaan decking akan di vacuum bagi membuang lebihan yang tidak melekat bagi mendapatkan hasil kerja yang sekata

AUDIT KRITERIA PENERIMAAN JALAN

Oleh: Bahagian Senggara Fasilitas Jalan, Zon Selatan



Cawangan Senggara Fasilitas Jalan (CSFJ) bertanggungjawab menggalas visi dan misi Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia ke arah penyampaian perkhidmatan bertaraf dunia dan menjadi pusat kecemerlangan pengurusan aset jalan untuk pembangunan negara berteraskan modal insan yang kreatif, inovatif dan berteknologi tinggi.

Justeru itu, bagi memastikan kerja-kerja pembinaan jalan disiapkan secara berkualiti, CSFJ dengan usaha yang inovatif telah membangunkan garis panduan Audit Kriteria Penerimaan terhadap projek-projek pembinaan Jalan Persekutuan, Malaysia yang bakal diserahkan kepada JKR untuk operasi penyenggaraan aset jalan.

Usaha ini adalah inisiatif utama ke arah pemerkasaan kualiti jalan siap sekaligus menghapuskan penyerahan projek jalan baru yang tidak mematuhi spesifikasi kontrak lantas mengundang pelbagai masalah semasa penyenggaraan.

Perlaksanaan Audit Kriteria Penerimaan Jalan terhadap projek jalan siap pembinaan dikuatkuasakan melalui Surat Arahan KPKR Bil.3 bertarikh 15 Julai 2009 dan Bil.8 bertarikh 30 Disember 2009. Tatacara pelaksanaan auditan adalah terkandung di dalam Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB), JKR, merujuk Prosedur Penerimaan Tanggungjawab Operasi dan Penyenggaraan Aset [JKR.PK(O).06C]

PROSES KERJA PENERIMAAN TANGGUNGJAWAB OPERASI DAN PENYENGGAARAAN ASET JALAN

INPUT

1. Skala
2. Surat arahan KPKR
3. Permo PPK

Letak KPF/KPPF oleh PIB i. Borang JKR PK(O) 06c-1

OUTPUT

- Surat Penerimaan Aset
i. JKR PO(O) 06C-10a

1. Rujuk Kaedah Pelaksanaan Proses Penerimaan Aset JKR PK(O)06C-7

2. Hantar dan Dapatkan Maklumbalas Daripada PPPF
 - i. Surat Pelaksanaan Audit Kriteria
 - ii. Borang JKR PK(O) 06C-8
 - iii. Borang JKR OK(O) 06C-9

Pelaksanaan Audit Kriteria Penerimaan di Tapak.

Rujuk pada SOP Senggara Jalan, Prosedur Kawalan Produk yang tidak memenuhi Spesifikasi, Borang JKR PK (SJ) 01 04 06-1

1. Laporan Audit Dikeluarkan

- i. Laporan Ketidakpatuhan/ Kecacatan Audit Kriteria Penerimaan Jalan JKR PK(O) 06C-9a
 - ii. Borang JKR PK(O) 6C-9b
- Kemukakan Kepada PPPF Untuk Tindakan


Semakan Dokumen Penyerahan

Arahan PPPF Sediakan


- i. Borang JKR PK(O) 06C-10
- ii. Borang JKR PK(O) 06C-11

1. Pastikan Semua Ketidakpatuhan/ Kecacatan dibaiki/ dibuat pembetulan dengan sempurna.
2. Maklumkan Kepada KPF/KPPF


Ketidakpatuhan/ Non Conformance Report (NCR) oleh kontraktor semasa auditan dilaksanakan hendaklah dibaiki dan disiapkan semasa Tempoh Tanggungan Kecacatan (TTK) sebelum penyerahan kepada CSFJ untuk operasi penyenggaraan.



Antara borang-borang SPB yang digunakan bagi pelaksanaan Audit Kriteria Penerimaan Jalan.



Senarai semak auditan dikuatkuasakan melalui Surat Arahan KPR Bil.3 Tahun 2009 untuk jalan dan jambatan



PROSEDUR PENERIMAAN TANGGUNGJAWAB OPERASI & PENYENGGARAAN ASET (RINGKASAN SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU (SPB))



Bil. 3 Tahun 2009 untuk jalan dan jambatan

10 SKOP KRITERIA PENERIMAAN

10 skop yang diperiksa semasa auditan di tapak.

DOKUMENTASI

PAVEMENT

BAHU JALAN

LONGKANG

PEMBENTUNG

CERUN

JAMBATAN

PERABOT JALAN

MEKANIKAL/ELEKTRIK

ROAD SAFETY AUDIT (RSA)

Dokumen Kontrak (Bill of Quantities & Spesifikasi)

Lukisan Pembinaan (Construction Drawing)

Lukisan Siap Bina (As-Build Drawing)

APAKAH DOKUMEN YANG PERLU DISEMAK/DIAUDIT?

APAKAH ISU-ISU ???

Isu yang sering kali timbul semasa audit dilaksanakan adalah kecurian, kecuai dan kurang pengawasan kerja di tapak semasa pembinaan.

KECURIAN

'Tiada' penutup sump, 'tiada' bolt/packer di guardrail dan lain-lain komponen besi. Untuk kes sebegini, laporan polis hendaklah dibuat oleh kontraktor sebagai bukti akauntibiliti dan tanggungjawab kontraktor ke atas tapak. Walaubagaimanapun penutupan NCR dibuat selepas kontraktor menggantikan penutup sump dan bolt/packer yang hilang kerana tapak tersebut berada dibawah tanggungjawab kontraktor sehingga prosedur penyerahan dilaksanakan. Kontraktor juga bertanggungjawab ke atas keselamatan orang awam di tapak pembinaan.



Struktur outlet Road Side Drain rosak dan pembinaan tidak kemas.



Penutup sump dan bolt/packer guardrail telah hilang akibat dicuri.

KECUAIAN DALAM PEMBINAAN



Outlet culvert dipenuhi air bertakung. 'Flushing' tidak dilaksanakan untuk pemeriksaan 'gradient' dan aliran longkang.



Permukaan cerun terhakis akibat rumput tidak subur. Kurang pepadatan cerun akan mengundang keretakan pada longkang.



Pemasangan Bridge Brass Plaque di tapak tidak mengikut lukisan pembinaan dan bercanggah dengan As-built drawing. Akibatnya brass plaque ini akan mudah dicuri.



Hujung expansion joint di tapak bercanggah dengan As-Built Drawing. Akibatnya lelehan air pada permukaan bawah jambatan.



Cavity dan kesan backfill material terkeluar pada kedua-dua abutment kerana Wingwall pada abutment jambatan tidak dibina.



Garisan jalan mengelirukan dan membahayakan.



Sump tidak dibina mengikut lukisan pembinaan dan spesifikasi kontrak.



Ketebalan cat road marking tidak mengikut spesifikasi kontrak/ Arahan Teknik (Jalan) 2D/85.

Nota Penting: "As-Built Drawing hendaklah mengikut pengukuran sebenar kerja pembinaan di tapak dan disediakan oleh Jurukur Bertauliah yang dilantik kontraktor."

Kecuaian pengawasan ke atas kerja-kerja pembinaan struktur seperti jambatan, longkang, pembentung dan cerun akan mengakibatkan struktur tidak tahan lama dan mengalami kerosakan semasa di dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan. NCR akan ditutup setelah kontraktor membaiki dan membina semula struktur tersebut dengan mematuhi spesifikasi.



Perintah Sekatan Berat

Oleh: Bahagian Senggara Fasiliti Jalan Zon Utara/ Pewartaan

Tahukah anda setiap Jalan Persekutuan mempunyai had maksimum kenderaan berat yang dibenarkan untuk melaluinya. Had Berat Dengan Muatan (BDM) sesebuah kenderaan ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya berdasarkan Perintah Sekatan Berat (Jalan Persekutuan) 1989 dan mengambil kira keupayaan atau ketahanan jalan raya dan jambatan bagi tujuan mengelakkan kerosakan struktur jalan yang menjadi antara penyebab kemalangan jalan raya. Maksimum beban bagi kenderaan berat ini diwartakan dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan keadaan Jalan Persekutuan. Sebagai contoh, bagi mana-mana Jalan Persekutuan yang baru diwartakan, had beban maksimum Jalan Persekutuan juga perlu diwartakan bersekali dengan pewartaan jalan.

BDM di Jalan Persekutuan diwartakan melalui Perintah Sekatan Berat (Jalan Persekutuan). Kuasa mewartakan Perintah Sekatan Berat ini adalah Menteri Kerja Raya Malaysia seperti yang terkandung

dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) subseksyen 70(1). Perintah Sekatan Berat yang pertama dilaksanakan adalah pada tahun 1989 dan digelar Perintah Ibu. Perintah Ibu perlu selalu dirujuk dalam mana-mana pindaan yang dilaksanakan dalam Perintah Sekatan Berat. Perintah Sekatan Berat ini mempunyai 5 jadual utama iaitu Jadual Pertama menyenaraikan beban maksimum gandar dan berat kenderaan keseluruhan yang dikelaskan dalam Senarai 1 sehingga Senarai 7 berdasarkan kepada konfigurasi gandar dua sehingga enam (tegar dan bersendi). Selain itu, Perintah Ibu ini juga menyenaraikan jalan-jalan Persekutuan dalam Jadual Kedua, gazet negeri dalam Jadual Ketiga, keterangan kenderaan-kenderaan berat luar biasa dalam Jadual Keempat dan senarai laluan yang boleh dilalui oleh kenderaan bersendi dengan separuh treler berganda dalam Jadual Kelima. BDM bagi keseluruhan jenis kenderaan tegar dan bersendi yang boleh dilalui di Jalan Persekutuan boleh dirujuk dalam gambarajah 1.

Jenis Kenderaan	Had Berat Kasar Kenderaan Yang Dibenarkan (Tan)				
	Senarai I	Senarai II	Senarai III	Senarai IV	Senarai V
2 Gandar - Tegar	19	16	13	11	15
3 Gandar - Tegar	27	21	19	13	20
4 Gandar - Tegar	33	25	22	14	24
3 Gandar - Bersendi	31	26	22	16	24
4 Gandar - Bersendi	39	32	26	18	29
5 Gandar - Bersendi	45	34	-	-	32
6 Gandar - Bersendi	50	38	-	-	36
7 Gandar - Bersendi	53	-	-	-	-

Gambarajah 1. BDM bagi jenis kenderaan dalam Senarai I sehingga Senarai V



Sehingga kini beberapa pindaan telah dibuat dalam Perintah Sekatan Berat iaitu pada tahun 1991 sehingga tahun 2018. Jadual 2 menyenaraikan pindaan yang telah dilaksanakan bagi Jadual 1 sehingga Jadual 5. Had beban maksimum kebenaran yang dibenarkan melalui Jalan Persekutuan adalah 53 tan. Bagi permohonan kenderaan berat yang melebihi dari had beban maksimum yang diwartakan, syarikat logistik perlu membuat permohonan kebenaran melalui Jalan Persekutuan. Semakan oleh pihak JKR adalah

kepada beban gandar, beban kenderaan keseluruhan, laluan Persekutuan yang digunakan dan jambatan yang terlibat. Semakan dibuat ke atas rekabentuk kenderaan berat tersebut dan juga kapasiti jambatan dan sekiranya beban keseluruhan kenderaan melebihi kapasiti jambatan tersebut, pihak syarikat logistik perlu membuat kajian kapasiti beban jambatan. Setelah kebenaran di keluarkan kepada pihak logistik, barulah pihak logistik boleh melakukan perjalanan seperti yang ditetapkan dalam surat kebenaran tersebut.

PINDAAN PERINTAH SEKATAN BERAT

Jadual 1

1. P.U.(A) 3/2000
2. P.U.(A) 275/2003
3. P.U.(A) 266/2017
4. P.U.(A) 277/2018

Jadual 2

1. P.U.(A) 275/2003
2. P.U.(A) 224/2009
3. P.U.(A) 288/2012

Jadual 3

1. P.U.(A) 275/2003

Jadual 4

1. P.U.(A) 199/1991
2. P.U.(A) 475/1991
3. P.U.(A) 3/2000
4. P.U.(A) 497/2000

Jadual 5

1. P.U.(A) 497/2000



Kenderaan berat jenis treler berbilang gandar



Kenderaan berat jenis Low loader

MESYUARAT & PROGRAM KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN CSFJ 2019

(Customer Satisfaction Index - CSI)

Oleh: Unit Prestasi, Bahagian Prestasi Aset Teknikal

PENGENALAN:

Mesyuarat dan Program Kajian Kepuasan Pelanggan (CSI) bagi Tahun 2019 telah pun dilaksanakan pada 3 Julai 2019 yang lalu di Jalan Persekutuan Kuala Terengganu. Mesyuarat dan Program ini dihadiri oleh wakil setiap Bahagian dari CSFJ, Bhg. Jalan JKR Negeri Terengganu, wakil-wakil Jurutera dari 6 Daerah di Negeri Terengganu, wakil pihak Syarikat Konsesi

Penyenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia serta JKR Daerah Kuala Terengganu dan Konsesi Roadcare Sdn. Bhd. sebagai tuan rumah program. Program ini merupakan Program CSI pertama yang diadakan bagi tahun 2019 dan seterusnya turut akan dilaksanakan oleh JKR Daerah di seluruh Semenanjung Malaysia.



Pegawai Atasan CSFJ dan JKR Terengganu

Temubual bersama Tuan Pengarah CSFJ

Urusetia bersama syarikat konsesi

BPAT selaku Urusetia Program CSI bersama Pengarah CSFJ

Urusetia di kaunter pendaftaran

PROGRAM KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN (CSI) 2019

Program CSI ini dilaksanakan sekali setiap tahun bagi menilai dan mengkaji Tahap Kepuasan Pelanggan iaitu Pengguna Jalan Raya terhadap perkhidmatan penyenggaraan jalan raya oleh JKR dan Konsesi pada tahun semasa.

Kajian Kepuasan Pelanggan ini dilaksanakan bagi memenuhi keperluan Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) JKR iaitu Prosedur Aduan dan Kepuasan Pelanggan JKR.PK(P).11. Selain itu, Program ini juga telah diarahkan untuk dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kerja Raya bagi memenuhi sasaran

yang ditetapkan dalam Outcome Based Budget (OBB) pada tahun semasa.

Pada Tahun 2019, pihak Urusetia BPAT, CSFJ telah memilih lokasi di laluan FT3685 Jalan Kuala Terengganu – Penarik (Jalan Pantai) di Daerah Kuala Terengganu bagi perasmian Program Kajian Kepuasan Pelanggan ini. JKR Daerah Kuala Terengganu dan Roadcare Sdn Bhd. Negeri Terengganu telah menjadi tuan rumah bagi program simulasi bancian ini. Jalan ini telah terpilih kerana pada tahun 2018, jalan tersebut telah menunjukkan keputusan CSI yang baik dan memuaskan untuk pengguna jalan raya.

Program ini telah dimulakan dengan mesyuarat dan sesi taklimat ringkas program serta penerangan tentang kaedah pengisian borang yang betul. Sesi *hands-on* pelaksanaan bancian dilaksanakan di perkarangan Stesen Minyak Petronas Gong Badak (FT3685) sebagai lokasi utama. Coffee-break beserta cenderahati yang diberikan kepada pengguna jalan raya adalah kaedah yang dilaksanakan di tapak bagi menarik minat pengguna jalan raya untuk ditemubual. Sesi rakaman temubual juga turut dilaksanakan bagi merekod contoh simulasi bancian yang betul oleh pegawai JKR itu sendiri.

Sasaran responden yang ditetapkan pada hari tersebut adalah sebanyak 150 orang. Pada hari bancian tersebut, program ini telah berjaya mendapatkan maklumbalas responden sebanyak 150 orang dalam tempoh bancian yang ditetapkan dari jam 11 pagi hingga jam 1 petang. Pada sebelah petang,

proses menganalisa borang kajian telah dijalankan bagi mendapatkan peratusan survey terhadap jalan tersebut. Berdasarkan keputusan analisa bancian, sebanyak 90.96% pengguna jalan raya berpuashati dengan tahap perkhidmatan penyenggaraan jalan di FT3685 tersebut. Semua kakitangan yang terlibat telah memberikan kerjasama yang sangat baik dalam menjayakan program ini.

Program ini ditamatkan dengan sesi analisa pada petang tersebut. Sesi pembentangan keputusan telah dibuat pada keesokan harinya di dalam Mesyuarat CSFJ bersama pihak JAPJ Negeri dan Konsesi yang dilaksanakan oleh BPKS CSFJ. Program ini telah mencapai objektif yang disasarkan dan Program Kajian kepuasan Pelanggan ini akan diteruskan di daerah-daerah lain dibawah pemantauan setiap BSFJ Zon. Hasil keseluruhan kajian dijadualkan akan diperolehi pada bulan November 2019.

Apakah pendapat anda mengenai tahap kesesuaian semasa memandu di Jalan Persekutuan? Sangat selesa? Atau.....Tidak selesa?



Sesi menganalisa maklumbalas Kajian Kepuasan Pelanggan

Berdasarkan keputusan analisis, sebanyak 90.96% pengguna jalan raya berpuas hati dengan tahap perkhidmatan penyenggaraan jalan di FT3685 (Jalan Pantai) Kuala Terengganu.

RINGKASAN
KEPUTUSAN
KAJIAN KEPUASAN
PELANGGAN
DAERAH KUALA
TERENGGANU
BAGI TAHUN
2019

9%

91%

TIDAK BERPUAS HATI
BERPUAS HATI



BENGKEL PENYEDIAAN PELAN RISIKO FASILITI Federal Road Maintenance (FRM) Bagi Negeri Pahang Dan Selangor

TARIKH:
3 - 5 APRIL 2019
TEMPAT:
JKR PAHANG

Oleh: Unit Prestasi, Bahagian Prestasi Aset Teknikal

Bengkel Penyediaan Pelan Risiko Fasiliti *Federal Road Maintenance (FRM)* Bagi Negeri Pahang Dan Selangor telah diadakan pada 3 hingga 5 April 2019 di JKR Kuantan, Pahang. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk mewujudkan Pelan Pengurusan Risiko Fasiliti berdasarkan kontrak konsesi penyenggaraan di Jalan Persekutuan dan templat tersebut akan digunakan oleh zon lain mengikut kesesuaian. Risiko Fasiliti ini berdasarkan peringkat fasa Aset dari Penerimaan sehingga Pelupusan. Objektif mesyuarat adalah untuk mewujudkan pelan, mengenal pasti dan menilai risiko fasiliti *Enterprise Risk Management (ERM)* khususnya. Organisasi perlu bertindak secara proaktif terhadap potensi risiko yang ada dan yang dijangka, di samping memastikan risiko kritikal

yang memberi impak kepada peruntukan, prestasi bisnes dan / atau pengurusan perubahan dikenal pasti secara proaktif, dihubungkan, dimitigasi dan seterusnya dikemukakan kepada pihak atasan tepat pada waktunya. Bengkel tersebut telah dihadiri oleh seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada pegawai Cawangan Senggara Fasiliti Jalan (CSFJ), wakil daerah bagi Negeri Pahang dan Selangor serta fasilitator Cawangan Pengurusan Aset Bersepadu (CPAB). Bengkel telah dirasmikan oleh Ir. Abdullah Bin Hj. Kadir, Jurutera Awam Penguasa Kanan, Bahagian Prestasi, Aset dan Teknikal, CSFJ. Taklimat risiko fasiliti telah disampaikan oleh Ir. Mohd Fadhlil Bin Arshad, Jurutera Awam Kanan, CPAB.



Perbincangan dalam kumpulan

Mesyuarat pembukaan yang di Pengerusikan oleh JAPK, BPAT Ir. Abdullah Bin Hj Kadir di JKR Kuantan.

Sesi pembentangan kumpulan bagi setiap fasa aset.

NAMA AHLI BENGKEL PENYEDIAAN PELAN RISIKO FASILITI FEDERAL ROAD MAINTENANCE (FRM) BAGI NEGERI PAHANG DAN SELANGOR

NAMA AHLI BENGKEL PENYEDIAAN PELAN RISIKO FASILITI FEDERAL ROAD MAINTENANCE (FRM) BAGI NEGERI PAHANG DAN SELANGOR

BIL	NAMA	GRD JAWATAN	BAHAGIAN/DAERAH	CAW / NEGERI				
CAWANGAN SENGKARA FASILITI JALAN								
1	Ir. Abdullah Bin Kadir	J54	BPAT	CSFJ	31	Halimah A/P Ati	J36	Rompin JKR PAHANG
2	Pn. Wan Azuraiah Wan Ahmad	J48	Zon TT	CSFJ	32	Mohd Hanizan Bin Zainuddin	JA29	Jerantut JKR PAHANG
3	Ir. Mohd Zamry B. Zakariah	J48	Zon TT	CSFJ	33	Nazrul Hisham Bin Mohd Holdin	J41	Pekan JKR PAHANG
4	En. Marahakim B. Manap	J48	UE, BPAT	CSFJ	34	Rashidi Bin Nordin	JA29	Raub JKR PAHANG
5	En. Norazizul B. Abd Aziz	J48	BPKS	CSFJ	35	Muhammad Faizal B. Mahadi	J44	Bhg Jalan JKR PAHANG
6	En. Imran B. Ismail	J48	Zonutara	CSFJ	KONSESI			
7	Pn. Siti Khadijah Bt Othman	J48	Zonutara	CSFJ	36	Shahril Bin Munir	RM	Road Care SELANGOR
8	En. Iswat Fahuzir B. Ismail	J44	Gis	CSFJ	37	Risyadi Bin Irwan	RM	Road Care PAHANG
9	Pn. Tuah Nor Fatimah Bt Ramlan	J41	Zon Selatan	CSFJ	38	Muhammad Hafiz Bin Zamberi	SM	Road Care HQ
10	Cik Shahanema Bt. Francis	J41	UB, BPAT	CSFJ	39	Wan Muhamad Ridha Bin Wan Husain	OE	Road Care HQ
11	Cin Norazimah Bin Md Ariffin	J41	UP, BPAT	CSFJ	40	Wan Radhiah Binti Wan Hanafi	OM	Road Care HQ
12	Cik Aslina Bt. Haji Othman	JA29	UP, BPAT	CSFJ	PENCERAMAH/FASILITATOR			
13	Cik Ain Najiha Bt Amri	JA29	Zon TT	CSFJ	41	Pn. Fadzilah Binti Sulaiman	J52	Fasilitator CPAB
14	En. Mohamad Shukri Bin Zakaria	JA29	Zon Selatan	CSFJ	42	Ir. Mohd Fadhlil Bin Arshad	J48	Penceramah CPAB
JKR SELANGOR					43	Ir. Ilias Bin Abdullah	J41	Fasilitator CPAB
15	Ir. Som Pong A/L Pichan	J52	Gombak	JKR SELANGOR	44	En. Syahrul Nizam Bin Mohamad	J36	Fasilitator CPAB
16	Muhamad Hilmi Bin Roji	JA29	Sepang	JKR SELANGOR	URUSETIA			
17	Muhammad Thaqif Bin Mohamad Nor	J41	Klang	JKR SELANGOR	45	En. Tengku Hasrizal Bin Tengku Hashim	J48	UP, BPAT CSFJ
18	Yasmewn Bin Samsuri	J36	K.Selangor	JKR SELANGOR	46	Ir. Nazman Akram B. Akmal	J44	UP, BPAT CSFJ
19	Norita Binti Abd Rahim	J29	Sabak Bernam	JKR SELANGOR	47	Mohd Yasir Bin Mat Nor	JA36	UP, BPAT CSFJ
20	Ir. Mohamad Farid Bin Rosli	J44	K.Langat	JKR SELANGOR				
21	Mohd Ziakhaliq Bin Mohd Zamani	J41	Petaling	JKR SELANGOR				
22	Naisha Binti Wood	JA38	H.Selangor	JKR SELANGOR				
23	Ir. Ramendra Loganathan	J48	Bhg Jalan	JKR SELANGOR				
JKR PAHANG								
24	Ahmad Khairi Bin Mohd	J44	Kuantan	JKR PAHANG				
25	Salam Bin Bainudin	J36	Temerloh	JKR PAHANG				
26	Mohd Haziq Nizman Bin Haled	J41	K.Lipis	JKR PAHANG				
27	Nurzulazwa Binti Abas	J41	Maran	JKR PAHANG				
28	Mohd Khairuddin Bin Musa	J36	Bentong	JKR PAHANG				
29	Nurul Suppiah Bin Adani	JA29	Bera	JKR PAHANG				
30	Zahirudin Bin Badarudin	J41	C.Highland	JKR PAHANG				

PEMERIKSAAN MANDATORI TAHUNAN JAMBATAN

Oleh: Unit Jambatan, BSFJ Zon Tengah Timur

PENGENALAN

Jambatan merupakan satu struktur yang dibina untuk menyeberangi jurang atau rintangan seperti sungai, landasan keretapi ataupun jalan raya. Ia dibina untuk membolehkan laluan pejalan kaki, pemandu kenderaan atau keretapi di atas halangan itu.

Jambatan juga merupakan salah satu dari element penting dalam jaringan infrastruktur negara. Jambatan akan mengalami kemerosotan jangka hayat rekabentuk sekiranya tiada tindakan penyelenggaraan, pemuliharaan dan juga pengukuhan dilaksanakan terhadap jambatan tersebut dari masa ke semasa.

Walaupun, kegagalan struktur jambatan atau jambatan roboh jarang berlaku namun sekiranya ia berlaku ia boleh menyebabkan kerosakkan harta benda malah boleh menyebabkan kehilangan nyawa. Justeru itu, pemeriksaan jambatan perlu dilakukan.

Bagi penyelenggaraan jambatan-jambatan di seluruh Jalan-jalan persekutuan, adalah ditetapkan bahawa pemeriksaan visual secara mandatori perlu dilaksanakan iaitu sekali setahun. Ini bagi memastikan sebarang tanda-tanda awal kerosakkan dan juga penurunan hayat jambatan dapat dikenalpasti lebih awal dan tindakan pembaikan atau pemuliharaan dapat dilaksanakan sebelum keadaan tersebut menjadi bertambah buruk.



KAEDAH PEMERIKSAAN

Kaedah pemeriksaan jambatan ini melibatkan pemeriksaan secara :

- Pemeriksaan Inventori jambatan.
- Pemeriksaan Kondisi Jambatan secara Rutin.
- Pemeriksaan Bagi Tujuan Pengesanan Kerosakan.
- Pemeriksaan Terperinci.

PEMERIKSAAN INVENTORI JAMBATAN

Pemeriksaan ini dilaksanakan bagi mendapatkan data-data inventori jambatan. Pemeriksaan ini dibuat berdasarkan pemeriksaan secara visual dan sistematik. Terdapat dua keadaan di mana pemeriksaan ini dilakukan iaitu pemeriksaan terhadap jambatan yang baru siap dibina dan diserahkan untuk tujuan penyelenggaraan serta pemeriksaan terhadap jambatan sedia sekiranya terdapat perubahan inventori.

Contoh Bridge Inventory Card

PEMERIKSAAN KONDISI JAMBATAN SECARA RUTIN

Kondisi jambatan secara rutin pemeriksaan ini adalah pemeriksaan secara rutin terhadap jambatan-jambatan dan menentukan jenis "rating" jambatan berdasarkan Buku *Annual Bridge Inspection Manual*. Pemeriksaan ini akan menggunakan senarai semak yang dan kriteria penentuan jenis kecacatan sebagai panduan.

Contoh Borang Pemeriksaan

PEMERIKSAAN BAGI TUJUAN PENGESAHAN KEROSAKAN

Pemeriksaan ini dilaksanakan di peringkat cawangan bagi menentusahkan laporan dan data yang diterima daripada JKR Negeri dan Daerah iaitu Laporan Pemeriksaan Mandatori Tahunan Jambatan yang di terima setiap tahun. Pemeriksaan ini akan menumpukan kepada komponen jambatan yang dilaporkan mengalami kerosakkan bagi

memastikan kriteria "rating" jambatan yang dicadangkan oleh pihak JKR Negeri/Daerah menepati kriteria penentuan "rating" jambatan. Pemeriksaan ini juga sebagai salah satu daripada proses pengauditan yang dilaksanakan sebelum merencanakan program pembaikan jambatan dan permohonan peruntukan.

PEMERIKSAAN KONDISI JAMBATAN SECARA RUTIN

Pemeriksaan terperinci pemeriksaan yang dibuat oleh Jurutera dan Penolong Jurutera, Unit Jambatan, Cawangan Senggara Fasiliti Jalan bagi mengenalpasti punca-punca kerosakan yang berlaku dan memberikan khidmat nasihat terhadap kerja-kerja pembaikan yang diperlukan. Pemeriksaan ini juga kadangkala akan turut disertai oleh Unit Forensik Jambatan, Cawangan Jalan sekiranya kerosakan yang berlaku adalah kerosakan serius. Pemeriksaan ini juga penting dalam menentukan jenis ujian tambahan yang diperlukan serta jenis pembaikan yang disyorkan. Di antara kerja-kerja pembaikan yang dicadangkan adalah seperti berikut:



Pemeriksaan Pengesahan Kerosakkan Jambatan

KESIMPULAN

Pemeriksaan ini dilaksanakan bagi mendapatkan data-data inventori jambatan. Pemeriksaan ini dibuat berdasarkan pemeriksaan secara visual dan sistematik. Terdapat dua keadaan di mana pemeriksaan ini dilakukan iaitu pemeriksaan

terhadap jambatan yang baru siap dibina dan diserahkan untuk tujuan penyelenggaraan serta pemeriksaan terhadap jambatan sedia sekiranya terdapat perubahan inventori.

MESYUARAT PERMOHONAN PERUNTUKAN TAMBAHAN PENYELENGGARAAN KESELURUHAN (FERRY DOCKING) FERI SRI TANJONG

Oleh: Unit Kontrak & Ukur Bahan, Bahagian Prestasi Aset Teknikal

Mesyuarat yang telah diadakan pada 21 Jun 2019 bertempat di JKR Feri Pengkalan Kubor, Kelantan ini telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Dr. Ong Gua Pak, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Kerja Raya (KKR), pegawai-pegawai KKR serta pegawai-pegawai daripada Cawangan Senggara Fasiliti Jalan (CSFJ), Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) Kuala Lumpur dan JKR Feri Pengkalan Kubor. Turut hadir adalah En. Mohd Zahrain bin Mohd Nor daripada Unit Kerja Raya, Pejabat Belanjawan Negara (NBO), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membincangkan dengan lebih lanjut berkaitan permohonan peruntukan tambahan bagi penyelenggaraan feri (Ferry Docking) Sri Tanjong dan perancangan pelaksanaan kerja bagi penyelenggaraan feri. Selain itu, pihak KKR dan pihak MOF juga membuat lawatan ke atas Feri Sri Tanjong dan Jeti JKR berhubung dengan satu lagi permohonan peruntukan kerja-kerja pembaikan jeti di JKR Feri Pengkalan Kubor.



Depan dari Kiri: Pn. Ruzita, Ir. Rahmat, YBhg. Dato' Dr. Ong Gua Pak, En. Zahrain, En. Izmael Zamzuri, En. Razman

Belakang Dari Kiri: En. Mohd Napih, En. Rosrizuan, En. Ahmad Kamel, En. Mazlan, En. Ismarady, En. Ardi, En. Zahari, Ir. Abdullah, En. Mohd Zulkifli, En. Mohamad Sani, Sr. Nadia, Pn. Siti Norul Fateha, Cik Shahanema, En. Norazizul, En. Mohd Noorli, En. Mohd Fadzi, En. Md Fudzi

YBhg. Dato' Dr. Ong Gua Pak bergambar kenangan di JKR Feri Pengkalan Kubor.



Taklimat berkenaan perkhidmatan feri dan kerja penyelenggaraan serta pembaikan yang perlu dilakukan.





Mesyuarat dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Dr. Ong Gua Pak.

BIL.	NAMA	JAWATAN
KEMENTERIAN KERJA RAYA		
1.	YBhg. Dato' Dr. Ong Gua Pak	Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Kerja Raya (KKR)
2.	En. Izmael Zamzuri bin Ismail	Setiausaha Bahagian, Bahagian Kewangan, KKR Ketua Penolong Setiausaha,
3.	En. Mohamad Sani Bin Abdul Rahman	Cawangan Belanjawan Mengurus, Bahagian Kewangan, KKR Ketua Penolong Setiausaha,
4.	Sr. Nadia binti Mustafa	Cawangan Ukur Bahan Dan Cerun, Bahagian Pengurusan Fasiliti, KKR Ketua Penolong Setiausaha,
5.	Pn. Siti Norul Fateha binti Zakaria	Cawangan Khidmat Pengurusan, Bahagian Pengurusan Fasiliti, KKR
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA		
1.	En. Mohd Zahrain bin Mohd Nor	Ketua Penolong Pengarah Belanjawan Negara, Unit Kerja Raya, Pejabat Belanjawan Negara (NBO), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
CAWANGAN SENGGARA FASILITI JALAN, JABATAN KERJA RAYA		
1.	Ir. Rahmat bin Hj. Abd Rahman	Pengarah
2.	Pn. Ruzita Binti Zainal	Jurutera Awam Penguasa Kanan
3.	Ir. Abdullah bin Hj. Kadir	Jurutera Awam Penguasa Kanan
4.	En. Norazizul bin Abd. Aziz	Jurutera Awam Kanan
5.	Cik Shahanema binti Francis	Jurutera Awam
JKR FERI PENGKALAN KUBOR		
1.	En. Razman bin Hashim	Jurutera Mekanikal
2.	En. Mohd Noorli bin Md Nawi	Penolong Jurutera Mekanikal

PENERBITAN CAWANGAN

Cawangan Senggara Falisiti Jalan telah mengeluarkan buku SOP Senggara Jalan Pindaan 1 untuk digunakan oleh JKR Daerah dan JKR Negeri berkuatkuasa Februari 2019.

Penerbitan buku Statistik Jalan Malaysia edisi 2019. Dengan informasi yang lebih menarik dan padat.



Oleh: Pegawai Integriti & CSFJ

Setiap cawangan di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya & JKR Negeri mempunyai seorang Pegawai Integriti & seorang Penolong Pegawai Integriti yang dilantik oleh Dato' Sri KPKR.

Mereka bertanggungjawab membantu Bahagian Integriti (Bal) dalam membudayakan integriti di seluruh JKR dan Cawangan Senggara Falisiti Jalan amat menyokong pembudayaan telus dan berintegriti tinggi di kalangan warga di CSFJ.

Beberapa siri mesyuarat dan aktiviti telah dilaksanakan di peringkat Jabatan dan Cawangan yang disertai oleh pegawai-pegawai dari CSFJ bagi menjamin kesinambungan kecemerlangan dalam segala aspek kehidupan melalui penerapan nilai-nilai murni, berintegriti tinggi ke arah meningkatkan kecemerlangan rakyat Malaysia di masa hadapan.





MESYUARAT AGUNG KESEJA 2019

Oleh: KESEJA

Mesyuarat Agung Keseja 2019 telah diadakan pada 13 Mac 2019 bertempat di Dewan Giat Bestari Blok C Ibu Pej JKR. Seramai 120 ahli KESEJA telah menghadiri tersebut dengan dimulai dengan Ucapan YDP KESEJA Ir Rahmat Bin HJ Abd Rahman. Program diteruskan dengan penghargaan kepada AJK 2017-2019, Pegawai Baru, Pegawai dapat Cahaya mata, Pegawai yang sakit dan kematian ahli keluarga dan pegawai berkahwin. Disamping itu

juga, terdapat Anugerah Tokoh Sukan CSFJ 2018 dan pembentangan aktiviti sepanjang 2018. Pada mesyuarat kali ini, lantikan AJK baru bagi sesi 2019-2021 telah diadakan. Syabas diucapkan pada yang telah dilantik. Diharapkan KESEJA akan terus aktif pada tahun 2019 dengan lantikan AJK yang baru dan dengan semua aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan.

AJK KESEJA YANG BARU BAGI SESI 2019-2021

BIL	NAMA PEGAWAI	JAWATAN	BIL	NAMA PEGAWAI	JAWATAN
1	EN. AMMAR ABDUL AZIZ BIN ZEX	PEN. JURUTERA AWAM (JA29)	7	CIK AIN NAJIHA BT AMRI	PEN. JURUTERA AWAM (JA29)
2	EN. ZULKIFLI BIN ZAKARIA	PEN. JURUTERA AWAM (JA29)	8	EN. MUHAMMAD ABDULLAH B ISMAIL	JURUTERA AWAM (J41)
3	EN. RAZMAN BIN HASHIM	PENGURUS FERI (J41)	9	CIK NORAQILLAH BT AZHAR	PEN. JURUTERA AWAM (JA29)
4	CIK ASLINA BT. HAJI OTHMAN	PEN. JURUTERA AWAM (JA29)	10	EN. NORIZHAM B. ISHAK	PEN. JURUTERA AWAM (JA29)
5	EN. MOHD NOOR SHAFEEK B. JAAFAR	PEN. J/TERA ELEKTRIK (JA29)	11	EN. MUHAMMAD AIDIL B. RAZAK	PEN. JURUTERA AWAM (JA29)
6	EN. ALIF AMSYAR B. KAMARUZAMAN	PEN. JURUTERA AWAM (JA29)	12	EN. MOHD HAFIS BIN MOHD YUNUS	PEN. JURUTERA AWAM (JA29)

PEMENANG ANUGERAH TOKOH SUKAN CSFJ 2018



MOHD REDZUAN B. ABDUL RAHIM
ZON TENGAH TIMUR



En. Mohd Redzuan B Abdul Rahim, Zon Tengah Timur telah dinobatkan sebagai Pemenang Anugerah Tokoh Sukan CSFJ 2018.



Antara Ahli KESEJA yang hadir semasa Mesyuarat Agung KESEJA 2019 di Dewan Giat Bestari



JAMUAN RAYA AIDILFITRI 2019

CSFJ telah mengadakan Jamuan Raya pada 19 Jun 2019 yang bertempat di Perkarangan parking Blok D (Lama). Antara program KESEJA ialah pakaian tercantik bagi lelaki dan perempuan, sumbangan kepada pegawai bertukar dan bersara.



Pemberian duit raya bagi yang bertuah



Sumbangan penghargaan kepada Cik NOOR KHAIRANI BT KHAIRUDDIN, 136 BPK5 yang telah bersara. Pihak KESEJA mengucapkan Selamat Bersara.

Acara Pakaian Lelaki Terbaik :
En. Hilman Najmuddin B. Hamzah
Acara Pakaian Perempuan Terbaik :
Cik Norazimah Binti Md. Arifin



PERTANDINGAN E-SPORT FIFA 2019 ANJURAN KESEJA



Satu pertandingan E-Sport Games bagi FIFA 2019 telah diadakan pada 14-16 Ogos 2019 yang bertempat di tingkat 10 Blok F. Pertandingan ini terbuka kepada semua ahli KESEJA. Seramai 20 orang peserta telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini. Program ini pertama

kali dilaksanakan oleh KESEJA dan mendapat sambutan yang baik oleh ahli-ahli KESEJA. Objektif pertandingan ini dapat mengeratkan silaturrahim antara pegawai di CSFJ dan mengurangkan tekanan bekerja.

KEPUTUSAN PEMENANG E-SPORT

Johan : En. Ahmad Suffian B. Sabli
Naib Johan : En. Ammar Abdul Aziz Bin Zex
Tempat Ke-3 : En. Saiful Syamir B. Mohd Radzuan
Tempat Ke-4 : En. Mohd Najmi B. Abd Razak



Pertandingan diruang santai tingkat 10 Blok F.



Perlawanan yang sangat sengit di antara Cik Mazuin vs Ir. Zamry.

KEJOHANAN FUTSAL CSFJ 2019

Satu Kejohanan Futsal CSFJ antara bahagian bagi tahun 2019 yang bertempat di Super Bobai Court Segambut, Kuala Lumpur telah diadakan pada



29 Ogos 2019. Kumpulan yang bertanding adalah Bahagian Zon TT, Bahagian Zon Utara, BPKS dan Mix Bahagian. Program-program seperti ini dapat mengeratkan silaturrahim antara ahli

KESEJA disamping dapat mencungkil bakat-bakat terpendam warga CSFJ khususnya dalam bidang sukan. Perasmian telah dirasmikan oleh Setiausaha KESEJA Ir. Nazman Akram Bin Akmal.

KEPUTUSAN PEMENANG FUTSAL

Johan : KUMPULAN BSFJ Zon Tengah Timur/Jambatan
Naib Johan : KUMPULAN BSFJ Zon Utara/Pewartaan
Tempat Ke-3 : KUMPULAN MIX BAHAGIAN (BPAT, BSFJ Zon Selatan, GIS)
Tempat Ke-4 : KUMPULAN BPKS



Johan: KUMPULAN BSFJ Zon Tengah Timur/Jambatan yang terdiri daripada Ir. Zamry, Alif, Suffian, Redzuan, Azmi dan Faisal



Naib Johan: KUMPULAN BSFJ Zon Utara/Pewartaan yang terdiri daripada Hilman, Syamir, Najmi, Raveen, Pubalan, Aidil dan Bob.



Tempat ke-3: KUMPULAN MIX BAHAGIAN (BPAT, BSFJ Zon Selatan, GIS) yang terdiri daripada Ir. Sufyan, Amir, Ir. Nazman, Abdullah, Shafeek dan Hj Iswat.



Tempat ke-4: KUMPULAN BPKS yang terdiri daripada Faiz, Pudir, Hairul, Nawi, Sukhairul, Ridhuan, Ammar dan Zulkifli.

PENSTRUKTURAN SEMULA FUNGSI BAHAGIAN DAN UNIT SERTA CARTA ORGANISASI

Oleh : Bahagian Penyelarasan Khidmat Sokongan



Cawangan Senggara Fasiliti Jalan telah menjalankan penstrukturan semula fungsi bahagian dan unit termasuk carta organisasi bagi meningkatkan keberkesanan fungsi dan sistem penyampaian organisasi cawangan ini. Tujuan penstrukturan ini dijalankan adalah untuk mewujudkan *Subject Method Expert (SME)* di bawah setiap bahagian supaya khidmat nasihat dari pakar dapat diperolehi melalui bahagian yang betul.

1. Bahagian Penyelarasan & Khidmat Sokongan (BPKS)
2. Bahagian Kejuruteraan Geoinformatik (BKG)
3. Bahagian Prestasi, Aset & Teknikal (BPAT)
4. Bahagian Senggara Fasiliti Jalan Zon Utara & Perawatan
5. Bahagian Senggara Fasiliti Jalan Zon Tengah Timur & Jambatan
6. Bahagian Senggara Fasiliti Jalan Zon Selatan & Pavmen

SEKALUNG TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA PENERIMA ANUGERAH PENSIJILAN JABATAN KERJA RAYA 2019



1. **PN. NOR ISDAWATI ISMAIL (J48)**
KOMPETENSI KEJURUTERAAN ELEKTRIK (TAHAP 2)
2. **CIK NORAZIMAH MD ARIFIN (J41)**
KOMPETENSI KEJURUTERAAN SENGGARA JALAN (TAHAP 2)
3. **EN. MOHD YASIR MAT NOOR (JA36)**
KOMPETENSI KEJURUTERAAN SENGGARA JALAN (TAHAP 2)

PERKHIDMATAN FERI SRI TANJONG, JKR PENGKALAN KUBOR

Oleh: Unit Feri Pengkalan Kubor, BPKS



Feri Sri Tanjong ini merupakan sebuah feri pengangkutan bagi membawa penumpang, kenderaan dan barangan. Feri ini juga merupakan sebuah feri pengangkutan antarabangsa bagi kedua-dua buah negara jiran yang menghubungkan Pekan Pengkalan Kubor di Negeri Kelantan dengan Pekan Takbai di selatan Thailand. Feri Sri Tanjong telah mula beroperasi sejak 1 April 1990 dan telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj pada 16 Ogos 1990. CSFJ selaku agensi kerajaan telah diberi tanggungjawab dalam aspek operasi dan penyenggaraan feri tersebut.





Artikel Kesihatan

KEBAIKAN AIR PUTIH

1. MENCEGAH SEMBELIT
2. MEMBUANG TOKSIN DALAM BADAN
3. MEMBANTU MENURUNKAN BERAT BADAN
4. MENGHASILKAN KULIT YANG SIHAT
5. MEMBEKALKAN TENAGA
6. MELAWAN JANGKITAN
7. MENYIHATKAN HATI
8. MENCEGAH SAKIT SENDI

PENGAMBILAN AIR PUTIH

1. 2 GELAS AIR SELEPAS BANGUN PAGI.
 - Membantu mengaktifkan organ dalam tubuh
2. 1 GELAS AIR 30 MINIT SEBELUM MAKAN TENGAH-HARI.
 - Melancarkan sistem penghadaman
3. 1 GELAS AIR SEBELUM MANDI
 - Membantu menurunkan tekanan darah
4. 1 GELAS AIR SEBELUM TIDUR
 - Menghindari strok dan serangan jantung



HELP YOUR WORK-RELATED STRESS



CHECK REALITY

Listen to your train of thought to see if it's adding to your stress. Are you imagining a far worse outcome than is likely?



TAKE A BREAK

Hourly mini-breaks during which you stretch your shoulders, back, and neck can provide physical stress relief.

BE REALISTIC

Don't promise to do more than you can handle.

REPEAT YOURSELF

Every day, plan to spend some time relaxing.



EAT A HEALTHY DIET

A healthy diet rich in whole foods, fruits, vegetables, whole grains and lean protein may reduce stress. Lots of caffeine, sugar and alcohol can increase it.



VISUALIZE

Sit or lie down and close your eyes. For 5 to 10 minutes, imagine you're in a place you love like the beach, the mountains, or the house you grew up in.



EXERCISE REGULARLY

Consider aerobic exercise like running, swimming, or brisk walking. Yoga, Pilates, tai chi, or simple stretching also can help by bringing about a calmer, meditative state.

COMMUNICATE

Talk with a family member or friend outside of work about the issues that cause your stress at work.

GET HELP

If you've tried these self-help methods but continue to be highly stressed, get help from a mental health professional who specializes in stress management.

Franciscan HEALTH

FranciscanHealth.org

Selingan

Renjer tengah duk usha je tu...

Bawak balik goreng sambal sedap ni!



Saya pon nak merajuk jugak!

Sibuk je nak pujuk-pujuk...




Rasanye kito dah sesat ni. X jumbo pon pulau

Haha... Bermalam kat atas bot je la kapten



Same tak muncung kite-?



VISI

Cawangan Senggara Fasilitas Jalan

“Menjadi pusat kecemerlangan senggara fasilitas jalan berteraskan kreativiti dan inovasi modal insan serta teknologi terkini”



CAWANGAN SENGARA FASILITI JALAN

Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Blok D, Tingkat 2, Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin,
50582 Kuala Lumpur

Tel: 03-2610 7725 | Faks: 03-2694 0315

<http://www.jkr.gov.my>



CSFJ_JKR